

# BULETIN HORIZON

EDISI 11

GOOD  
LISTENER  
IMPROVE  
COMMUNICATION  
SKILLS

KUIS MENANG  
TEMPAT KE  
UTEM 3  
IT OPEN COMPETITION

*Street  
Dakwah*

Puan  
Norhafizah  
& Belanjawan  
KUIS

DR MOHD FARID RAVI  
TERIMA ANUGRAH KHAS  
IMAM ALGHAZALI

# Tinta Pengarang

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Alhamdulillah, Syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurni-Nya, Buletin Horizon Edisi ke-11 berjaya diterbitkan. Edisi kali ini adalah yang pertama bagi tahun 2016.

Cabaran yang menanti dalam tahun 2016 amat besar. Salah satunya ialah melengkapkan persiapan mental dan fizikal demi menjayakan anjakan operasi daripada sebuah kolej universiti kepada universiti penuh. Bertepatan dengan fokus KUIS pada masa kini untuk melakukan persiapan terbaik ke arah naiktaraf sebuah universiti penuh, aspek pengurusan belanjawan KUIS dipilih menjadi berita utama. Laporan temubual bersama Bendahari KUIS iaitu Puan Nor Hafizin binti Abdul Wahab dipaparkan sebagai salah satu saluran perkongsian maklumat diantara Pengurusan KUIS dengan pegawai dan kakitangan serta pihak yang berkepentingan. Tidak dapat dinafikan bahawa aspek kewangan dan pengurusan belanjawan KUIS yang telus, berintegriti dan tepat amat signifikan dalam usaha menjadikan KUIS sebagai universiti Islam yang lestari untuk generasi masa depan.

Dalam kesibukan KUIS berusaha menjadi universiti penuh, aktiviti pemasaran bertujuan mendapatkan pelajar baharu dalam jumlah yang mencukupi tidak dilupakan. Sepanjang suku pertama 2016, pelbagai acara pameran pendidikan tinggi telah disertai oleh KUIS. Edisi kali ini memuatkan beberapa berita berkaitan dengan Gerak Gempur STAM/STPM dan SPM serta karnival pendidikan tinggi. Turut dimuatkan ialah berita mengenai Hari Informasi Akademik KUIS yang diadakan bagi memastikan orang ramai terutamanya calon pelajar serta ibu bapa memperoleh maklumat tepat dan terkini mengenai institusi ini.

Selain itu, edisi kali ini memaparkan pelbagai berita berkaitan usaha yang telah dilaksanakan oleh KUIS dalam memperkasakan perkhidmatan pendidikan tinggi yang ditawarkan kepada Ummah. Antaranya ialah penubuhan IRTI Corner Library, perjanjian persefahaman diantara KUIS-UNISSA Brunei Darussalam, pelbagai persidangan dan ucpatama profesor serta pembangunan dasar mobiliti pelajar KUIS.

Paparan mengenai aktiviti dan pencapaian pelajar serta warga KUIS turut dimuatkan dalam edisi kali ini. Antaranya pencapaian pelajar dalam pertandingan teknologi maklumat anjuran UTeM, Street Dakwah melibatkan pelajar antarabangsa KUIS, pilihanraya kampus bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUIS bagi tahun akademik 2016/ 2017 dan pengiktirafan kepada Dr. Mohd. Farid Ravi bin Abdullah atas segala usaha dan komitmen dalam berdakwah.

Sebagai makluman pembaca, Sidang Pengarang berhasrat untuk menerbitkan Buletin Horizon secara berkala sebanyak empat kali setahun. Bagaimanapun, kesibukan semua pihak dalam melaksanakan tugas hakiki di KUIS sedikit sebanyak mempengaruhi rentak penerbitan. Oleh itu, kesudian pegawai dan kakitangan KUIS bekerjasama menjayakan penerbitan Buletin Horizon dengan menyumbangkan karya penulisan masing-masing amat dialu-alukan.

Selamat membaca.

## SIDANG PENGARANG

### Penaung

Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri

### Ketua Editor

Dr. Zulkifli Abd Hamid

### Editor

Mokhtar Ismail

Ani Abd Jalil

### Wartawan

Mudzirah Aishah Pawanteh

Nurhayati Surip

Hairlyana Binti Md Hairi

Farahnaz Binti Mohd Khalib

Muhammad Faisal Bin Abu Bakar

Aqila Syahira (Pelajar Praktikal)

### Sumber Berita

BERNAMA

The Brunei Times

### Perunding Grafik

Shahrizam Azmeer B. Mohamad

### Pembaca Prof

Mudzirah Aishah Pawanteh

Roziawati Saadin

Zainun Ab Rahman

Sidang Pengarang menjemput semua kakitangan KUIS yang berminat dan berkebolehan menulis berita, maklumat dan sebagainya berkaitan KUIS untuk menghantar penulisan masing-masing kepada Buletin Horizon bagi diterbitkan dalam keluaran akan datang. Penulisan boleh di emel ke [info@kuis.edu.my](mailto:info@kuis.edu.my). Semoga perkongsian maklumat ini menjadikan kita warga prihatin kepada perkembangan KUIS.

Mokhtar Hj. Ismail





## Profil KUIS

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang ditubuhkan di bawah akta IPTS 1996. Penubuhannya secara rasmi pada 15 Februari 1995 membuktikan komitmen kerajaan negeri Selangor dalam membangunkan agenda pendidikan dan kecemerlangan ilmu. Sebagai sebuah legasi pendidikan DYMM Sultan Selangor yang sentiasa dipelihara dan disantuni menjadi pemangkin tradisi ilmu dan penyatuan umat Islam di negeri Selangor, KUIS berusaha melahirkan Da'i, Ulama dan Umara.

Berpaksikan motto **"Pemangkin Tradisi Ilmu"**, serta keindahan kampus yang bercirikan senibina sejarah kegemilangan Islam Andalusia, KUIS telah bergerak berdasarkan visi dan misi mendepani segala cabaran serta perubahan secara agresif dan proaktif bagi mencapai sebuah institusi pendidikan yang menyediakan program pengajian akademik yang berteraskan tauhid dan sesuai dengan keperluan zaman kini serta keperluan fizikal yang seiring dengan "niche" Islam yang menepati halatuju pendidikan Islam dan Dasar Pendidikan Negara yang berkualiti dalam menuju sebuah Universiti Islam pada tahun 2016. Usaha ini didokong oleh saf para pensyarah serta warga kerja yang memiliki sifat sebagai mudarris, mu'allim, muad-dib, murabbi, dan mursyid.

KUIS menawarkan program pengajian di peringkat Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah yang telah memenuhi perakuan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) merentasi pelbagai disiplin ilmu termasuk pengajian Islam, pengajian perniagaan, perbankan Islam, pendidikan, komunikasi, dan teknologi maklumat yang berdaya saing dan kompetitif.

KUIS tetap mengekalkan objektif awal penubuhannya untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional Islam yang mampu memimpin masyarakat serta membangunkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan Islam. Selain itu, KUIS juga berperanan menyediakan alternatif untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

KUIS melebarkan jaringan dan rangkaian MoU dan MoA dalam pembangunan akademik, penyelidikan dan inovasi sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi Islam yang sentiasa relevan di peringkat nasional dan antarabangsa.

KUIS tekad memartabatkan Institusi Masjid al Azhar KUIS sebagai nadi kepada ketinggian rohani, kecemerlangan ilmu, paksi pembangunan insan dan lambang kesatuan ummah melalui solat berjemaah yang membentuk ikatan persaudaraan dan kasih sayang.

Dengan kemudahan fasiliti yang kondusif, KUIS juga mengutamakan program pembangunan sahsiah yang holistik, prinsip persekitaran (bi'ah) yang solehah, pembangunan iklim Dini, ikutan yang baik (qudwah hasanah), kecemerlangan akademik dan program khidmat ummah, ke arah melahirkan warga KUIS yang memiliki ahlak yang terpuji dan sentiasa berbakti kepada agama, bangsa dan pembentukan negara Baldatun Tayyibatul Wa Rabbul Ghafur.

Sejajar dengan itu, KUIS dengan penuh rasa tanggungjawab menyediakan pendidikan Islam kepada masyarakat sebagai tuntutan fardhu kifayah dan meletakkan ketinggian ilmu sebagai asas pembangunan insan dan kemajuan negara, sesuai dengan firman Allah dalam surah **al Mujaadalah (58 :11)** yang bermaksud:

**"Allah mengangkat kedudukan orang yang beriman daripada kamu dan orang-orang yang berilmu dengan beberapa darjat."**

# BELANJAWAN KUIS

Oleh: Mudzirah Aishah Pawanteh

## 1. Bagaimana Puan mengatasi kerumitan belanjawan dalam kegawatan ekonomi negara sekarang?

Bagi tahun 2016, KUIS telah merancang belanjawan berhemah yang mana semua perbelanjaan adalah berdasarkan sumber pendapatan. Peranan untuk mengatasi kerumitan belanjawan bukan sahaja dimainkan oleh pihak Pejabat Bendahari semata-mata tetapi ianya melibatkan peranan yang menyeluruh di setiap peringkat bermula dari semua individu warga kerja KUIS sehinggalah ke peringkat Jabatan, Bahagian dan juga fakulti secara keseluruhannya.

Perancangan perbelanjaan Fakulti dan Bahagian perlulah bersandarkan kepada prinsip-prinsip berikut:

Menggunakan sumber secara lebih berhemat melalui perbelanjaan yang lebih efisien, berkesan dan produktif. Merangsang pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan menyeluruh melalui konsep 'value for money'. Mengelakkan pembaziran dengan menggunakan konsep guna-sama (shared facilities).

Selaras dengan prinsip ini, perancangan belanjawan 2016 adalah berteraskan kepada dasar 'Fiscal Sustainability' dan 'Fiscal Consolidation'.

Ianya juga perlu bersandarkan kepada keutamaan mencapai hasil (ROI) yang disasarkan serta berasaskan keperluan sebenar yang realistic.

Fakulti dan Bahagian dikehendaki untuk melaksanakan perbelanjaan secara berhemat dengan mengutamakan hasil (ROI) dari perbelanjaan berkenaan.

Dalam perkara ini, setiap Fakulti dan Bahagian hendaklah mengambil langkah-langkah pengawalan perbelanjaan dan berjimat cermat dalam merancang belanjawan, yang antara lainnya termasuk:

Mengawal perbelanjaan utiliti, seperti penggunaan tenaga elektrik, air dan telefon, melalui penyediaan dan penguatkuasaan peraturan dalaman. Memastikan acara-acara atau program-program yang dianjurkan adalah benar-benar perlu dan dibuat secara sederhana dan tidak melibatkan perbelanjaan besar dan pembaziran terutama tempahan makanan. Mengkaji semula kemudahan misalnya kemudahan insuran dan perubatan, kemudahan menghadiri latihan, elaan makan, penginapan dan perjalanan agar lebih kompetitif dan berfaedah kepada pegawai-pegawai KUIS.

Memastikan pengurusan, penyelenggaraan dan pembaikan aset KUIS seperti bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan lain dilaksanakan secara terancang, dengan memberi keutamaan kepada isu-isu keselamatan dan keutuhan struktur bagi mengurangkan perbelanjaan membaikpulih jangka panjang. Merancang program dan aktiviti dengan lebih awal dan teratur agar persediaan tidak tergesa-gesa dan menjurus kepada perbelanjaan yang lebih tinggi di saat-saat akhir persediaan.



## 2. Sebagaimana yang Puan maklum KUIS ke arah universiti penuh, apakah perancangan Puan dalam pembangunan infratraktur selari dengan belanjawan KUIS?

Bagi persediaan ke arah universiti penuh KUIS telah mendapat sokongan sepenuhnya dari Kerajaan negeri Selangor dengan pembiayaan untuk membangunkan beberapa pembangunan infrastuktur termasuk bangunan akademik dan juga perpustakaan bagi menampung kemasukan pelajar baharu dan sediaada sehingga lebih 15,000 orang pelajar pada masa akan datang. Dengan kelulusan pinjaman mudah secara Qard al Hassan berjumlah RM48.5 juta, projek pembangunan ini telah pun dimulakan dengan beberapa siri perbincangan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Selangor, JKR dan juga pihak-pihak yang berkaitan.

Projek pembangunan ini adalah selaras dengan usaha KUIS ke arah universiti penuh pada tahun 2018. Belanjawan KUIS sehingga tahun 2020 juga telah dirancang dengan mengambilkira persediaan untuk pembelian aset bagi melengkapi infrastuktur pada tahun 2017 dan 2018. Setiap pembayaran balik ke atas pinjaman mudah oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi semua projek infrastuktur ini akan direkodkan di dalam belanjawan KUIS bagi tahun-tahun yang akan datang.

### 3. Apakah harapan Puan untuk KUIS ke arah memacu gagasan Universiti penuh?

Sepertimana harapan dan impian semua warga KUIS, saya juga amat berharap gerak kerja setiap warga KUIS yang sangat gigih membuat persediaan dan perancangan yang teliti ke arah memacu gagasan Universiti penuh ini dapat direalisasikan pada tahun 2018 nanti. Pihak MARCOM sangat aktif dalam usaha mempromosikan KUIS di dalam dan luar Negara walaupun dengan bajet yang terhad, namun hasil usaha dan kesepakatan dari setiap warga KUIS diharapkan mampu untuk meningkatkan jumlah kemasukan pelajar yang dijangka bertambah sehingga 13,500 pada tahun 2018 nanti.

Disamping itu, pihak Bahagian Pengurusan Insan juga sedang gigih merancang dan melaksanakan pelbagai latihan bagi melengkapi keperibadian setiap warga KUIS dengan imej yang setara dengan taraf universiti. Oleh itu, komitmen adalah salah satu elemen penting disamping perubahan paradigma dan mindset semua warga kerja KUIS ke arah gagasan universiti penuh. Ini bermakna perubahan budaya kerja dan pemikiran warga kerja sebuah universiti yang berdaya saing perlu dihayati oleh semua pihak bagi memastikan gagasan universiti penuh ini dapat direalisasikan.

Selain itu, KUIS juga harus memperkasa pengurusan ICT untuk mencapai sistem penyampaian perkhidmatan dan operasi yang berkesan melaksanakan program akademik terkini teras tauhid melalui pendidik terbaik dibantu peralatan dan prasarana lengkap seperti yang disarankan oleh Dato Rektor iaitu ke arah konsep Hybrid University.

### 4. Apakah cadangan Puan bagi mengatasi pengurusan debit/credit yuran pelajar?

Faktor kritikal di dalam menguruskan kewangan pelajar ini ialah penajaan yuran pelajar. Sekiranya peratus penajaan yuran pelajar di KUIS adalah tinggi maka pengurusan risiko terhadap kawalan kredit pelajar dapat dikurangkan. Disamping itu, penubuhan tabung-tabung bantuan pelajar adalah lebih relevan agar selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang menggalakkan penubuhan tabung endowment oleh pihak universiti. Selain itu, pelaksanaan dasar harus diperkukuhkan dan dilaksanakan sebaiknya bagi memantapkan pengurusan yuran pelajar.

### 5. Apakah perancangan Puan untuk menambahkan lagi pendapatan dana untuk KUIS?

KUIS kini sedang dalam usaha mempelbagaikan aktiviti perekonomian yang antara lainnya kolaborasi dengan institusi luar, program usahasama, penganjuran seminar dan konferen, penerbitan buku dan jurnal, aktiviti penyewaan fasiliti dan juga pelaburan jangka panjang. Selain daripada itu, KUIS juga merancang untuk membuat pelaburan hartanah yang mana keuntungannya akan dijana melalui peningkatan nilai modal ataupun dari sewaan bulanan yang diterima. Usaha-usaha ini akan dipertingkatkan lagi pada masa akan datang agar KUIS lebih berdayatahan dan berdayamaju dalam mengharungi kegawatan ekonomi pada masa kini.

Di samping itu, penglibatan anak syarikat KUIS, iaitu KUISCELL dan juga penubuhan Yayasan KUIS juga dapat membantu dalam menjana pendapatan yang mana dana tersebut akan disalurkan terus kepada pelajar-pelajar KUIS. KUISCELL juga sedang meneroka pelbagai bidang perniagaan yang lebih komersial serta menguntungkan melalui peluang dan jalinan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor yang mana akan membantu KUIS ke arah universiti penuh pada tahun 2018 nanti.

Pn. Nor Hafizin binti Abdul Wahab  
BENDAHARI KUIS

Pejabat Bendahari,  
Aras 1, Blok Pentadbiran,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor,  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang,  
Selangor Darul Ehsan.

hp: 03 8911 7000  
fax: 03 8925 3106

# KUIS MENANG TEMPAT KE 3

## UTeM IT OPEN COMPETITION

Oleh: Aqila Syahira

17 FEBRUARI : *UTeM IT Open Competition* anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) & Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Pertandingan ini turut melibatkan beberapa IPTS daripada UTeM, UTP, MMU, UNITAR, UTAR dan juga Politeknik Swasta dengan melibatkan beberapa kategori yang dipertandingkan iaitu *IT Network System Administration, IT Software Solution for Business & Web Design*.

Pertandingan ini merupakan salah satu daripada siri pertandingan kemahiran bagi mencari calon untuk di bawa ke *ASEAN Skills Competition 2016*. Pemenang bagi tempat pertama daripada Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) , tempat kedua daripada Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dan tempat ketiga daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Mahasiswa KUIS yang telah menyertai pertandingan tersebut ialah Muhammad Hazmirul Afiq Bin Mohamad Zairi, Muhammad Norfarhan Bin Norizam, Muhammad Afiq Bin Adnan dan Abdul Hakim Bin Jumari serta diiringi oleh pensyarah, Encik Khairul Nizam Bin Abd Rahman dan Encik Khairil Ashraf Bin Elias Pensyarah daripada Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat. Tahniah diucapkan kepada mahasiswa KUIS diatas kejayaan kerana telah mengharumkan nama KUIS.



Penerimaan anugerah di dalam pertandingan *IT Network System Administration, IT Software Solution for Business & Web Design*.



Antara Mahasiswa dan pensyarah yang terlibat di dalam pertandingan *IT Network System Administration, IT Software Solution for Business & Web Design*.

# DR MOHD FARID RAVI TERIMA ANUGERAH KHAS IMAM AL-GHAZALI



Oleh : Halim Mokhtar

Bandar Seri Putra – Pengarah Pusat Penyelidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), YBhg Dr Haji Mohd Farid Ravi Bin Abdullah, menerima Anugerah Khas Imam Al-Ghazali sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1437 hijrah peringkat Negeri Selangor.

Anugerah itu disampaikan Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah Alhaj dalam majlis yang berlangsung di Stadium Malawati, Shah Alam. Turut mengiringi, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, YB Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim.

Penganugerahan itu diberikan sebagai pengiktirafan terhadap segala usaha dan komitmen dalam penyampaian dakwah di peringkat nasional khususnya Negeri Selangor Darul Ehsan.



Dr Haji Mohd Farid Ravi Bin Abdullah bergambar bersama Dato Dr AB. Halim (Rektor) dan Dr Zulkifli (Tim Rektor)

Pihak Pengurusan KUIS dan seluruh warga KUIS merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada YBhg Dr. Haji Mohd Farid Ravi bin Abdullah atas penganugerahan ini semoga ianya menjadi inspirasi kepada warga KUIS dalam melahirkan

Da'i, Ulama dan Umara.

# GERAK GEMPUR



Oleh : Ummi Arissa Sofia

## PROJEK KHAS GERAK GEMPUR SPM / STPM / STAM 2016

Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan kerjasama Sekretariat Pemasaran KUIS telah menjalankan Projek Khas Gerak Gempur SPM / STPM / STAM 2016 bermula pada 21 Januari 2016 bagi Gerak Gempur STAM, 02 Mac 2016 bagi Gerak Gempur STPM dan 03 Mac 2016 bagi Gerak Gempur SPM.

Projek Khas Gerak Gempur SPM / STPM / STAM 2016 ini melibatkan semua pegawai KUIS secara langsung bagi mensasarkan jumlah kemasukan pelajar seramai 6000 orang pada tahun 2016. Antara negeri yang terlibat dengan program ini ialah Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak dan Johor.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memperkenalkan peluang-peluang pendidikan terkini yang ditawarkan oleh KUIS bagi tahun 2016 kepada semua pelajar-pelajar lepasan SPM, STPM dan STAM serta sebagai persediaan pengambilan pelajar untuk jangkamasa panjang.



Pegawai-pegawai KUIS sedang memberi penerangan kepada para pelajar mengenai KUIS

Para pelajar sekolah sedang mengisi borang masuk ke kuis



# IRTI CORNER LIBRARY OPENING CEREMONY



By : Hairlyana Binti Md Hairi, IRCIEF  
Farahnaz Binti Mohd Khalib

On 17 September 2015, International Research Centre of Islamic Economics and Finance (IRCIEF) in collaboration with Islamic Research and Training Institute (IRTI), Islamic Development Bank (IDB) have successfully organized the Opening Ceremony of IRTI Corner Library. The ceremony was officiated by Y.Bhg. Prof. Dato. Dr Azmi Omar, Director General of IRTI, IDB. Among the attendees were Prof. Dato. Dr. Abdul Halim Tamuri, Rector of International Islamic University College Selangor (KUIS), the Associate Research Fellows of IRCIEF and banks' representatives.



The opening ceremony began with du'a recitation led by Ustaz Don Daniyal Don Biyajid. The opening of the "wood frame" by Prof. Dato. Dr. Azmi Omar served as the opening's symbolic. Later, accompanied by the Rector of KUIS, the guests headed to the neighborhood Corner and wrote on the guestbook of IRTI Corner Library.

IRTI Library Corner which located at the 2nd floor of Academic Block 3 is collecting reference materials in the field of Islamic economics and finance such as books, magazines, and proceedings. In addition, IRTI Corner Library is also equipped with facilities for discussion such as research room and a lounge complete with projector.

IRCIEF is also glad to welcome all level of citizens to fully utilise its Library Corner as one of the college's academic facilities for teaching and learning activity, research, and reference centre in order to achieve its objective. The IRTI Corner Library opening ceremony ended with a photo session and a pleasant lunch with Prof. Dato. Dr. Azmi Omar at 2.00 p.m.



Y.Bhg. Prof. Dato. Dr Azmi Omar,  
Director General of IRTI Opening  
The Ceremony of IRTI Corner Library.

# .Good Listener

Improving communication skills : Be a Good Listener

People often focus on what they should say, but effective communication is less about talking and more about listening. Listening well means not just understanding the words or the information being communicated, but also understanding the emotions the speaker is trying to communicate.

There's a big difference between engaged listening and simply hearing. When you really listen—when you're engaged with what's being said—you'll hear the subtle intonations in someone's voice that tell you how that person is feeling and the emotions they're trying to communicate. When you're an engaged listener, not only will you better understand the other person, you'll also make that person feel heard and understood, which can help build a stronger, deeper connection between you.

By communicating in this way, you'll also experience a process that lowers stress and supports physical and emotional well-being. If the person you're talking to is calm, for example, listening in an engaged way will help to calm you, too. Similarly, if the person is agitated, you can help calm them by listening in an attentive way and making the person feel understood.

One of the tips on how to become a good Listener is :

1. Hear the emotion behind the words by exercising your middle ear muscles. By increasing the muscle tone of the tiny middle ear muscles (the smallest in the body), you'll be able to detect the higher frequencies of human speech that impart emotion and be better able to understand what others are really saying. As well as by focusing fully on what someone is saying, you can exercise these tiny muscles by singing, playing a wind instrument, and listening to certain types of music (high-frequency Mozart violin concertos and symphonies, for example, rather than low-frequency rock or rap music).

BY  
PUSS IN BOOTS  
MARCOM

# Karnival Pendidikan Tinggi Negara Dan Karnival Pendidikan MARA



Para pelajar sekolah sedang mengisi borang masuk ke kuis



Pegawai-pegawai KUIS sedang memberi penerangan kepada para pelajar mengenai KUIS

Seksyen Pemasaran Strategik, Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menyertai Promosi dan Pameran Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) dan Karnival Pendidikan MARA 2016 bertujuan sebagai persediaan pengambilan pelajar untuk jangkamasa panjang.

Antara tujuan utama menyertai program tersebut adalah sebagai satu usaha dan peluang bagi meningkatkan jumlah kemasukan pelajar ke KUIS di mana Karnival Pendidikan Tinggi Negeri (KPTN) dan Karnival Pendidikan MARA sentiasa mendapat sambutan hangat di kalangan pelajar bumiputera dari seluruh negara selain dapat memperkenalkan peluang-peluang pendidikan terkini yang ditawarkan oleh KUIS bagi tahun 2016 di peringkat Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah kepada pengunjung.

Terdapat 6 buah lokasi bagi Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) dan 12 buah lokasi bagi Karnival Pendidikan MARA yang disertai KUIS bagi tahun 2016.

Ucapan penghargaan dan setinggi tinggi tahniah kepada semua seketeriat pemasaran yang telah sama sama turun padang bagi menjayakan program promosi ini.

Oleh : Ummi Arissa Sofia



Para pelajar sedang mendengar taklimat mengenai KUIS

# Street Dakwah

- Ummi Arissa Sofia -

## PROGRAM "STREET DAKWAH"

Program "Street Dakwah" adalah salah satu usaha Seksyen Pengantarabangsaan, Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK) dalam memastikan aktiviti dakwah dapat dilaksanakan dengan lebih bersepadu dan berkesan dengan melibatkan semua mahasiswa antarabangsa. Program tersebut telah diadakan pada 28 Februari 2016 (Ahad) di sekitar Central Market Kuala Lumpur dan telah melibatkan seramai 35 orang mahasiswa antarabangsa serta wakil mahasiswa dari Jabatan Dakwah.

Antara objektif program adalah:

1. Menggerakkan usaha dakwah secara berkesan dan menyeluruh.
2. Berusaha dalam menangani permasalahan ummah dan membina hadharah.
3. Memberi kesedaran sosial dalam usaha berdakwah.
4. Membantu mahasiswa antarabangsa berkomunikasi secara efektif dan lebih berkesan dalam memberi idea dan pendapat disamping memperkenalkan budaya dan gaya hidup di Malaysia.



Pelajar KUIS sedang memberi Dakwah kepada masyarakat awam.





# UNISSA

## MEMORANDUM OF UNDERSTANDING

# KUIS

Sunday, February 28, 2016

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) and Selangor International Islamic University College (KUIS) signed a Memorandum of Understanding yesterday.

In a statement, UNISSA said the collaboration with KUIS would benefit both institutions in terms of academic cooperation and mobility between the two institutions for its students and teaching staff in various fields.

Additionally, the MoU will enable UNISSA to produce more academic collaboration effectively with other international higher institutions of education, it said.

The MoU was signed by UNISSA's Rector, Dr Hj Norarfan Hj Zainal, and Yang Berbahagia Dr Syukri Abdul Rahman, the Deputy Rector of Academics and Research at KUIS.

The signing was followed by a discussion between the two parties on potential plans that could be undertaken by the two educational institutions.

During the ceremony, the UNISSA rector was also elected as an international panel advisor for the Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal.

Also present at the MoU signing was UNISSA Deputy Rector Dr Hj Mohammed Hussain Pehin Penyurat Hj Ahmad, UNISSA Assistant Rector Dr Arman Hj Asmad and an eight-member delegation from KUIS.

Sumber Berita  
The Brunei Times



The Memorandum of Understanding on academic cooperation was signed by Dr Haji Norarfan Bin Haji Zainal, Rector of Universiti Islam Sultan Sharif Ali and Dr Syukri Abdul Rahman, Deputi Rector of Academics and Research at Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

# Perhimpunan Perdana KUIS



Perhimpunan Perdana KUIS ini diharidi oleh seluruh kaki tangan dan warga KUIS.

**Oleh :** Mudzilah Aishah Pawanteh  
Roziawati Saadin

BANDAR SERI PUTRA - Perhimpunan Perdana buat kali pertama pada tahun ini telah diadakan pada 22 Januari bertempat di Auditorium Dr. Zainuddin Jaafar anjuran Bahagian Pemasaran dan Komunikasi berkolaborasi dengan Pejabat Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan & Pengantarabangsaan) dan Masjid Al Azhar, KUIS. Turut hadir, Rektor KUIS Yang berbahagia Profesor Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri, Timb. Rektor Akademik dan Penyelidikan Dr. Mohamad Syukri Bin Abd. Rahman, Timb. Rektor Pembangunan Mahasiswa dan Alumni Dr. Mokmin Bin Basri serta beberapa barisan pengurusan tertinggi KUIS.

Perhimpunan perdana kali ini telah disuntik dengan tazkirah tahun baru yang telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP). Manakala Taklimat Promosi Tahun 2016 telah disampaikan oleh Encik Mokhtar bin Ismail Pengarah Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK). Pembentangan kertas kerja hasil kajian Pegawai Akademik PPP turut di adakan.

Dato' Rektor KUIS juga turut menyampaikan amanat tahun baru 2016 kepada hadirin yang juga warga kerja KUIS dan mengingatkan agar berjimat cermat dalam segala bidang termasuk penggunaan komoditi KUIS.

Di akhiri Perhimpunan pihak yayasan KUIS telah mengumumkan sumbangan dari keuntungan dua buah kafe Yayasan kepada tabung kebajikan Timbalan Rektor Mahasiswa dan Alumni sebanyak RM32,700.00 serta pemberian penghargaan kepada penyumbang-penyumbang terbanyak Wakaf KUIS turut dianugerahkan.

# PILIHANRAYA KAMPUS

(MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR)

2016 / 2017

# KUIS



KUALA LUMPUR 22 Mac (Bernama) -- Setiap tahun sesebuah universiti di Malaysia pasti akan melalui senario pilihanraya kampus bagi pemilihan dan perantukan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Peranan pilihanraya kampus adalah bagi memilih barisan kepimpinan mewakili mahasiswa-mahasiswa ke peringkat pengurusan tertinggi universiti. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) juga tidak terlepas dari senario tersebut yang telah berlangsung pada 15 Februari 2016, Isnin, bermula seawal jam 8 pagi sehingga 5 petang. Proses pilihanraya berjalan dengan lancar dan pengiraan undi tamat jam 9.15 malam, diikuti dengan pengumuman keputusan pilihanraya tepat jam 9.40 malam oleh Ybhg. Timbalan Rektor (Pembangunan Mahasiswa & Alumni), Dr. Mokmin bin Basri.

Sebanyak 12 Kerusi Umum dipertandingkan dalam pilihanraya kampus kali ini. Sementara itu, terdapat 6 Kerusi Fakulti dipertandingkan di peringkat Akademi Islam sahaja kerana calon-calon dari Fakulti lain telah menang tanpa bertanding. Pilihanraya Kampus bagi sesi 2016/2017 keseluruhannya telah mencatatkan 49.4% iaitu 3822 daripada 7740 pelajar yang keluar mengundi.

Seterusnya, pada tanggal 19 Februari 2016, jam 9.45 pagi, Bahagian Pembangunan Mahasiswa telah mengadakan satu Majlis Bai'atul Amal untuk barisan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2016/2017 bertempat di Dewan Senat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Majlis ini turut dihadiri oleh Dato' Rektor KUIS, Timbalan Rektor (Pembangunan Mahasiswa & Alumni) Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan & Pengantarabangsaan) serta Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah Fakulti dan Pusat. Barisan Pimpinan yang baru dilantik ini telah melafazkan Bai'ah yang dipimpin oleh saudara Mohd Faridzul Adha Bin Musa selaku Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2016/2017.

Sumber Berita :  
BERNAMA, MALAYSIA

# 2<sup>nd</sup> International Research Management & Innovation Conference 2015 (IRMIC 2015)

Oleh : Muhammad Faisal Bin Abu Bakar (RMC)

Bertepatan dengan saranan Dato' Rektor KUIS untuk menganjurkan seminar, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) telah menganjurkan seminar "International Research Management and Innovation Conference 2015 (IRMIC 2015)" pada 26 hingga 28 Ogos 2015 di Hotel Adya, Langkawi, Kedah. Bagi menjayakan dan melancarkan seminar kali kedua ini, RMC masih mengekalkan anjuran bersama Akademi Islam dan Kuiscell bagi mendapatkan bantuan dari segi kewangan dan teknikal.

Bertemakan "Academic Research and Innovation: Beyond Ethical Spectrum", seminar ini telah berjaya menarik seramai 38 orang peserta dari dalam dan luar KUIS. Kali ini IRMIC 2015 telah berjaya menarik peserta dari luar seperti UKM, UUM, USIM dan KIAS. Penglibatan peserta dari Australia juga menunjukkan bahawa penganjuran IRMIC kali ini mempunyai satu tarikan yang unik kerana diadakan di Pulau Langkawi.

Kali ini penganjuran IRMIC 2015 melihatkan satu format yang baharu dimana satu sesi forum telah di adakan pada hari pertama. Forum yang bertajuk "Academic Research & Innovation : Commercialisation VS Higher Order Objective" ini telah menjemput Rektor Kolej Universiti Insaniah (KUIN) Prof. Datuk Mohd Yusof Kassim dan Felo Penyelidik Institut Pengajian Sains Sosial UPM Prof Madya Dr. Abdul Lateef Kraus sebagai panel jempuan. Para peserta berasa teruja setelah disajikan dengan input dan pengalaman dari kedua-dua nama yang tidak asing lagi dalam bidang mereka. Pada hari yang sama juga, slot bagi "Managing Information System" (MIS) telah menjemput Timbalan Pengarah RMC UTM, iaitu Prof. Madya Dr. Shukor Abd Razak sebagai plenary speaker untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan beliau dalam bidang IT.

Majlis pada hari kedua tidak kurang hebatnya dimana pihak IRMIC 2015 telah menjemput Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor Y.B Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad untuk memberi sepatah dua kata serta melancarkan dan menutup seminar IRMIC 2015 pada kali ini.

Akhir kata, pihak RMC ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Akademi Islam dan Kuiscell diatas kejayaan penganjuran bersama IRMIC 2015 pada kali ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada Y.B Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad diatas kesudian beliau untuk menaja penginapan dan tempat bagi seminar IRMIC 2015. Semoga kita bertemu lagi pada IRMIC 2016!



YB Nik Nazmi memberi sepatah dua kata sebelum melancarkan IRMIC 2016



Pembentang bergambar bersama YB Nik Nazmi



Pemenang kertas kerja terbaik irmic 2016 Puan Azimah Mohd Masri





The public lecture was moderated by Associate Prof. Dr Husni Hassan from International Islamic University of Malaysia (IIUM).



Public Lecture by Prof. Dato' Dr. Mohd Azmi Omar, the Director General for Islamic Research and Training Institute (IRTI), Islamic Development Bank, Jeddah



The event was attended by more than 100 participants consisting of industry players, representatives of Islamic financial institutions, and students.

## 2015 QUARTERLY ISLAMIC FINANCE PUBLIC LECTURE IRCIEF-IRTI

By : Hairlyana Binti Md Hairi, IRCIEF  
Farahnaz Binti Mohd Khalib

### SUKUK MARKET DEVELOPMENT AND ISSUES

International Research Centre for Islamic Economics and Finance (IRCIEF) in collaboration with Islamic Research and Training Institute (IRTI) of Islamic Development Bank (IDB) has organized the 2015 Quarterly Islamic Finance Public Lecture IRCIEF-IRTI on 17 September 2015 at Hassan Omar Lecture Hall, Academic Block 3, KUIS. The event was attended by more than 100 participants consisting of industry players, representatives of Islamic financial institutions, and students.

The public lecture entitled "Sukuk Market Development and Issues" was delivered by Prof. Dato' Dr. Mohd Azmi Omar, the Director General for Islamic Research and Training Institute (IRTI), Islamic Development Bank, Jeddah. He was the Dean of the Institute of Islamic Banking and Finance, International Islamic University Malaysia (IIUM), as well as Professor at the Department of Finance, Faculty of Economics & Management Sciences, IIUM. He was also the former Deputy Rector (Deputy Vice-Chancellor) in charge of Academic and Research from 2002 until 2008 and also served as the Dean of the Faculty of Economics & Management Sciences at the same university from 1996 to early 2002. He obtained his Bachelor and Master degrees in Finance from Northern Illinois University, USA and PhD from Bangor University, Wales (UK).

The public lecture was moderated by one of the associate research fellows of IRCIEF, Associate Prof. Dr Husni Hassan. The program began with du'a recitation led by Ustaz Don Daniyal Don Biyajid and continued by the moderator chairing the session. The public lecture ended with a speech by Prof. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri, the Rector of KUIS thanking all participants for taking part in the event. He also expected a continuous cooperation between IRCIEF and IRTI in the future.

# PEMBANGUNAN DASAR PROGRAM MOBILITI PELAJAR KUIS

Oleh : Jamal Shaik

KUIS pada hari ini mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan program mobiliti pelajar bagi dalam dan luar negara. Program Mobiliti Pelajar memberi peluang kepada pelajar KUIS untuk mendapatkan pengalaman pendidikan dengan mengikuti program akademik yang ditawarkan di universiti dalam dan luar Malaysia. Program mobiliti melibatkan pertukaran pelajar dan internship serta pemindahan jam kredit sebahagian daripada kursus tertentu.

Pada masa yang sama, MoU bersama institut dari luar negara akan mewujudkan satu platform kepada pelajar dari luar negara untuk menjalani pengajian di KUIS selama satu atau dua semester.

Program mobiliti kini menjadi satu agenda global yang penting bagi menyediakan pendedahan lebih luas kepada pelajar mengenai budaya, cara hidup, teknologi, sistem sosial dan ekonomi masyarakat antarabangsa.

Program ini dilihat mampu membantu meningkatkan kemahiran insaniah dan daya saing pelajar IPT tempatan seperti kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, penyelesaian masalah, kepimpinan dan kemahiran yang lain yang diperlukan dalam pasaran kerja. Tujuan utama program ini adalah untuk membolehkan pelajar mengamalkan ilmu yang dipelajari serta mengilmukan apa yang diamalkan, memperluas pengalaman pendidikan bagi pelajar KUIS. Selain dari itu, program mobiliti juga mampu meningkatkan sektor pendidikan pelancongan bagi meningkatkan mutu pendidikan negara.

Seksyen Pengantarabangsaan, Bahagian Pemasaran & Komunikasi (MARCOM) telah membuat lawatan benchmarking ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertujuan perkongsiaan maklumat dasar dan input bagi program mobiliti pelajar.

Oleh yang demikian, semoga segala yang dirancang bagi program mobiliti pelajar dalam dan luar negara akan mencapai objektif seiring dengan moto KUIS untuk melahirkan Da'i, Ulama & Umara.



**Lawatan ke Pejabat Antarabangsa UMP**



**Lawatan ke pejabat Antarabangsa UIAM**



**Pihak KUIS memberi cenderahati kepada pihak UIAM**

# HARI INFORMASI AKADEMIK KUIS

Oleh Mokhtar Hj Ismail

**HARI INFORMASI AKADEMIK KUIS, 6-8 MEI 2016**

Hari Informasi Akademik KUIS akan diadakan pada 6 Mei 2016 hingga 8 Mei 2016 bertempat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Bangi. Lokasi utama acara ialah di Pusat Konvensyen KUIS (PKK).

Antara objektif utama acara ini dianjurkan oleh KUIS ialah:

- a. Memberikan peluang yang terbaik kepada orang ramai terutamanya calon pelajar dan ibu bapa melihat keadaan sebenar KUIS dengan mengadakan lawatan ke kampus KUIS.
- b. Membuka ruang perbincangan yang telus kepada calon pelajar serta ibu bapa dengan para pensyarah dan Dekan fakulti mengenai program pengajian yang menjadi pilihan.
- c. Memperkenalkan KUIS dan juga program pengajian yang ditawarkan kepada orang ramai termasuk juga segala kemudahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) terbaik yang disediakan.
- d. Membolehkan calon pelajar terus memohon secara online menggunakan kemudahan Makmal Komputer yang disediakan KUIS dan mengetahui keputusan permohonan pada hari yang sama sepanjang tempoh Hari Informasi KUIS diadakan.
- e. Mengadakan sesi Temuduga Tahfiz, Temuduga Perguruan dan juga Ujian Penilaian Bahasa Arab (UPBA) khusus kepada pemohon program pengajian tertentu yang hadir secara "walk-in" pada 6 hingga 8 Mei 2016.

Orang ramai terutamanya calon pelajar dan ibu bapa dengan hormatnya dijemput dan amat dialu-alukan untuk menghadiri Hari Informasi Akademik KUIS kerana pelbagai khidmat runding-cara diadakan terutamanya yang berkaitan dengan program akademik KUIS serta pinjaman pendidikan PTPTN. Mereka boleh menggunakan kesempatan masa yang ada sepanjang tiga hari acara ini diadakan untuk mengumpul maklumat sebanyak yang mungkin mengenai KUIS dan peluang pengajian yang ditawarkan sebelum mengambil keputusan untuk memohon kemasukan ke KUIS.

Disamping peluang mendapatkan maklumat lanjut mengenai program pengajian di KUIS, orang ramai juga berpeluang mengikuti pelbagai acara sampingan yang diatur oleh KUIS iaitu seperti:

- a. Sembang Santai Bersama Ustaz. Nushi Mahfodz dan beberapa Selebriti KUIS yang lain.
- b. Taklimat program pengajian akademik oleh semua pusat pengajian di KUIS iaitu (i) Fakulti Pengajian Peradaban Islam, (ii) Fakulti Pengurusan dan Muamalah, (iii) Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, (iv) Fakulti Pendidikan, (v) Pusat Asasi serta (vi) Pusat Pengajian Siswazah.
- c. Lawatan Jejak Kampus untuk calon pelajar dan ibu bapa mengenali kampus KUIS dengan lebih dekat. Ziarah ke kawasan kediaman pelajar juga diadakan bagi memberikan gambaran awal mengenai kehidupan di asrama kepada pelajar baharu.
- d. Pelbagai permainan "indoor" yang menyegarkan minda dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUIS dan juga permainan rakyat seperti congkak, karom dan dam.
- e. Klinik Syariah dan Klinik Fatimah khusus untuk orang ramai yang berminat.
- f. Tayangan Video Promosi KUIS dan taklimat pengenalan oleh semua fakulti akademik di KUIS.
- g. Sukan berkayak di Tasik KUIS.

Sempena Hari Informasi Akademik KUIS ini juga, pihak Yayasan KUIS dan Utusan Karya Sdn. Bhd. (UKSB) akan menganjurkan Cabaran Memancing KUIS-Mastika-Infinity 2016 pada 7 Mei 2016. Pendaftaran peserta dibuka pada 6 Mei 2016 mulai jam 3:00 petang hingga 12:00 tengah malam. Acara memancing pula akan berlangsung mulai jam 8:30 pagi hingga 12:30 tengah hari pada 7 Mei 2016. Orang ramai dan peminat tegar sukan memancing adalah dijemput untuk hadir bersama keluarga masing-masing bagi memeriahkan lagi acara ini.

**INTAKE  
JUN/NOV  
2016**

# JOM HADIR! HARI INFORMASI AKADEMIK KUIS

**6 HINGGA 8 MEI 2016  
PUSAT KONVENSYEN KUIS**

**MASUK  
PERCUMA**

Permohonan secara ONLINE melalui e-Admission di  
**www.kuis.edu.my**  
Permohonan secara "Walk-In" juga diterima



**Pameran Pendidikan  
Pameran & Jualan Buku  
Ceramah Motivasi**

**Temuduga Tahfiz  
Berkayak  
Memancing**

**Klinik Al Fatimah  
Klinik Syari'ah  
Pertandingan KUIZ**

**Lawatan Jejak Kampus  
& Pelbagai Aktiviti  
Menarik**

**ATURCARA HARI INFORMASI AKADEMIK KUIS 2016\***

6 Mei 2016 (Jumaat)							
Masa	Dewan Teater Pusat Konvensyen KUIS	Kampus KUIS	Pentas Utama Pusat Konvensyen KUIS	Tasik KUIS	Dewan Utama Pusat Konvensyen KUIS	Dewan Bankuet Pusat Konvensyen KUIS	Makmal 5 Bangunan IT
9:00AM-10:00AM							
10:00pg-11:00pg	Sembang Santai 1 Bersama Ustaz Nushi Mahfodz	Lawatan Jejak Kampus 1 (daftar di Kaunter BKPM)	Indoor Game (Congkak, Dam Haji, Karom)		<input checked="" type="checkbox"/> Pameran Informasi Akademik KUIS (semua Fakulti/ Pusat) <input checked="" type="checkbox"/> Rundingcara Program Akademik <input checked="" type="checkbox"/> Rundingcara Tajaan/ PTPTN <input checked="" type="checkbox"/> Pameran & Jualan Buku anjuran Utusan Karya Sdn. Bhd (UKSB) & Yayasan KUIS (sehingga 12:00mlm)	<input checked="" type="checkbox"/> Temuduga Tahfiz (FPPI) <input checked="" type="checkbox"/> Temuduga Perguruan (FPen) <input checked="" type="checkbox"/> Ujian Penilaian Bahasa Arab (UPBA) (FPPI) <input checked="" type="checkbox"/> Klinik Syariah <input checked="" type="checkbox"/> Klinik Fatimah	<input checked="" type="checkbox"/> Permohonan Walk In Calon Pelajar Baharu <input checked="" type="checkbox"/> Semakan Permohonan <input checked="" type="checkbox"/> Cetak Surat Tawaran Kemasukan
11:00pg-12:00tgh	Taklimat Pusat Asasi (PA) Taklimat Fakulti Pendidikan (FPen)	Lawatan Jejak Kampus 2 (daftar di Kaunter BKPM)					
3:00ptg-4:00ptg	Taklimat Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) Taklimat Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM)	Lawatan Jejak Kampus 3 (daftar di Kaunter BKPM)	Aktiviti Ilmiah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	<input checked="" type="checkbox"/> Berkayak <input checked="" type="checkbox"/> Pendaftaran Cabaran Memancing KUIS-MASTIKA-INFINITI 2016 anjuran Utusan Karya Sdn. Bhd (UKSB) & Yayasan KUIS (sehingga 12:00mlm)	<input checked="" type="checkbox"/> Pameran & Jualan Buku <input checked="" type="checkbox"/> Tayangan Video & Slide (semua Fakulti/ Pusat)	<input checked="" type="checkbox"/> Klinik Syariah <input checked="" type="checkbox"/> Klinik Fatimah	<input checked="" type="checkbox"/> Permohonan Walk In Calon Pelajar Baharu <input checked="" type="checkbox"/> Semakan Permohonan <input checked="" type="checkbox"/> Cetak Surat Tawaran Kemasukan
4:00ptg-5:00ptg	Taklimat Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM) Taklimat Pusat Pengajian Siswazah (PPS)						
7 Mei 2016 (Sabtu)							
Masa	Dewan Teater Pusat Konvensyen KUIS	Kampus KUIS	Pentas Utama Pusat Konvensyen KUIS	Tasik KUIS	Dewan Utama Pusat Konvensyen KUIS	Dewan Bankuet Pusat Konvensyen KUIS	Makmal 5 Bangunan IT
9:00AM-10:00AM							
10:00pg-11:00pg	Sembang Santai 2	Lawatan Jejak Kampus 4 (daftar di Kaunter BKPM)	Indoor Game (Congkak, Dam Haji, Karom)	Cabaran Memancing KUIS-MASTIKA-INFINITI 2016 anjuran Utusan Karya Sdn. Bhd (UKSB) & Yayasan KUIS (dari 8:30pg sehingga 12:30tgh)	<input checked="" type="checkbox"/> Pameran Informasi Akademik KUIS (semua Fakulti/ Pusat) <input checked="" type="checkbox"/> Rundingcara Program Akademik <input checked="" type="checkbox"/> Rundingcara Tajaan/ PTPTN <input checked="" type="checkbox"/> Pameran & Jualan Buku <input checked="" type="checkbox"/> Tayangan Video & Slide (semua Fakulti/ Pusat)	<input checked="" type="checkbox"/> Temuduga Tahfiz (FPPI) <input checked="" type="checkbox"/> Temuduga Perguruan (FPen) <input checked="" type="checkbox"/> Ujian Penilaian Bahasa Arab (UPBA) (FPPI) <input checked="" type="checkbox"/> Klinik Syariah <input checked="" type="checkbox"/> Klinik Fatimah	<input checked="" type="checkbox"/> Permohonan Walk In Calon Pelajar Baharu <input checked="" type="checkbox"/> Semakan Permohonan <input checked="" type="checkbox"/> Cetak Surat Tawaran Kemasukan
11:00pg-12:00tgh	Taklimat Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM) Taklimat Pusat Pengajian Siswazah (PPS)	Lawatan Jejak Kampus 5 (daftar di Kaunter BKPM)					
3:00ptg-4:00ptg	Taklimat Pusat Asasi (PA) Taklimat Fakulti Pendidikan (FPen)	Lawatan Jejak Kampus 6 (daftar di Kaunter BKPM)	Aktiviti Ilmiah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	Berkayak	<input checked="" type="checkbox"/> Pameran & Jualan Buku <input checked="" type="checkbox"/> Tayangan Video & Slide (semua Fakulti/ Pusat)	<input checked="" type="checkbox"/> Klinik Syariah <input checked="" type="checkbox"/> Klinik Fatimah	<input checked="" type="checkbox"/> Permohonan Walk In Calon Pelajar Baharu <input checked="" type="checkbox"/> Semakan Permohonan <input checked="" type="checkbox"/> Cetak Surat Tawaran Kemasukan
4:00ptg-5:00ptg	Taklimat Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) Taklimat Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM)						
8 Mei 2016 (Ahad)							
Masa	Dewan Teater Pusat Konvensyen KUIS	Kampus KUIS	Pentas Utama Pusat Konvensyen KUIS	Tasik KUIS	Dewan Utama Pusat Konvensyen KUIS	Dewan Bankuet Pusat Konvensyen KUIS	Makmal 5 Bangunan IT
9:00AM-10:00AM							
10:00pg-11:00pg	Sembang Santai 3	Lawatan Jejak Kampus 7 (daftar di Kaunter BKPM)	Indoor Game (Congkak, Dam Haji, Karom)		<input checked="" type="checkbox"/> Pameran Informasi Akademik KUIS (semua Fakulti/ Pusat) <input checked="" type="checkbox"/> Rundingcara Program Akademik <input checked="" type="checkbox"/> Rundingcara Tajaan/ PTPTN <input checked="" type="checkbox"/> Pameran & Jualan Buku <input checked="" type="checkbox"/> Tayangan Video & Slide (semua Fakulti/ Pusat)	<input checked="" type="checkbox"/> Temuduga Tahfiz (FPPI) <input checked="" type="checkbox"/> Temuduga Perguruan (FPen) <input checked="" type="checkbox"/> Ujian Penilaian Bahasa Arab (UPBA) (FPPI) <input checked="" type="checkbox"/> Klinik Syariah <input checked="" type="checkbox"/> Klinik Fatimah	<input checked="" type="checkbox"/> Permohonan Walk In Calon Pelajar Baharu <input checked="" type="checkbox"/> Semakan Permohonan <input checked="" type="checkbox"/> Cetak Surat Tawaran Kemasukan
11:00pg-12:00tgh	Taklimat Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) Taklimat Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM)	Lawatan Jejak Kampus 8 (daftar di Kaunter BKPM)					
3:00ptg-4:00ptg	Taklimat Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM) Taklimat Pusat Pengajian Siswazah (PPS)	Lawatan Jejak Kampus 9 (daftar di Kaunter BKPM)	Aktiviti Ilmiah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	Berkayak	<input checked="" type="checkbox"/> Pameran & Jualan Buku <input checked="" type="checkbox"/> Tayangan Video & Slide (semua Fakulti/ Pusat)	<input checked="" type="checkbox"/> Klinik Syariah <input checked="" type="checkbox"/> Klinik Fatimah	<input checked="" type="checkbox"/> Permohonan Walk In Calon Pelajar Baharu <input checked="" type="checkbox"/> Semakan Permohonan <input checked="" type="checkbox"/> Cetak Surat Tawaran Kemasukan
4:00ptg-5:00ptg	Taklimat Pusat Asasi (PA) Taklimat Fakulti Pendidikan (FPen)						

\*Aturcara ini tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis pemakluman.  
Mohon pengunjung merujuk kepada pihak Sekretariat Hari Informasi Akademik KUIS untuk mendapatkan sebarang maklumat terkini mengenai perubahan aturcara (jika ada).